



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO

USAHAWAN

Edisi 31 (Jan - Jun 2024)

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

ISSN 1823-6421



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED
UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Identiti Negeri Perak Pada Rekaan Logo

Mohamad Quzami An-Nuur bin Ahmad Radzi¹
Norain Soleha binti Zaki¹

¹Kolej Seni Kreatif, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Perak, Perak, Malaysia

*Email koresponden: quzami@uitm.edu.my

Rekaan logo merupakan salah satu elemen terpenting dalam perniagaan. Semua jenis perniagaan memerlukan rekaan logo kerana ia adalah sebahagian daripada identiti sesebuah perniagaan. Selain itu, rekaan logo dilihat penting kerana tanpa adanya logo akan menjadikan bahan promosi pada skin atau cetakan tidak lengkap. Ia juga akan menjejaskan rekaan bagi pembungkusan seperti kotak, beg kertas, plastik serta elemen-elemen lain yang dilihat dapat membantu memperkenalkan sesebuah perniagaan kepada umum.

Walaupun bagaimanapun, sesebuah perniagaan sebenarnya boleh memilih jenis logo mengikut keperluan dan tema perniagaan yang mereka jalankan. Logo simbol, logo huruf, logo kombinasi dan logo *emblem* merupakan antara contoh jenis logo yang boleh dipilih oleh sesebuah perniagaan. Dengan memahami dan membuat pilihan yang betul pada jenis logo memberikan impak yang baik kepada imej sesebuah perniagaan itu secara tidak langsung.

Selain daripada itu, penulis berpendapat bahawa identiti sesuatu kawasan atau lokaliti juga adalah salah satu elemen penting yang boleh dititik beratkan untuk dimasukkan di dalam sesebuah rekaan logo itu. Setiap negeri di Malaysia sebenarnya membawa identiti yang berbeza-beza. Identiti tersebut bukan sahaja mencerminkan keunikan negeri-negeri ini tetapi menjadikan rekaan logo yang bakal dihasilkan lebih menarik dan boleh menjadi salah sebuah elemen promosi kepada negeri yang berkenaan.

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif dalam mencari identiti khusus Negeri Perak bagi tujuan penghasilan elemen utama kepada rekaan logo. Elemen yang merujuk kepada pelancongan seperti Pulau Pangkor, Teluk Batik dan Teluk Senangin yang berada di dalam Negeri Perak dilihat boleh menjadi salah satu sumber elemen rujukan dalam mencari identiti Negeri Perak. Walaupun bagaimanapun, pereka logo perlulah mahir dalam mengolah elemen-elemen yang sesuai dalam menterjemahkan elemen pelancongan Negeri Perak ini di dalam penghasilan logo.

Antara visual identiti cadangan penulis dalam penghasilan logo yang mana dirujuk daripada pelancongan Negeri Perak adalah seperti ikan bilis mata biru, Masjid Terapung Pulau Pangkor dan visual yang merujuk kepada aktiviti pelancongan di tempat-tempat tersebut. Selain daripada itu, Labu Sayong yang popular di Kuala Kangsar juga boleh dijadikan salah satu pilihan elemen identiti penghasilan logo yang merujuk kepada Negeri Perak.

Visual asal Labu Sayong boleh diolah dan digayakan dengan pelbagai teknik rekaan grafik menarik dalam proses menjadikan ia kepada rekaan logo. Seterusnya, rekaan tekat emas serta perhiasan Negeri Perak termasuk pakaian tradisi Negeri Perak juga boleh dijadikan sumber insiprasi kepada mereka yang ingin menghasilkan rekaan logo yang beridentitikan Negeri Perak ini. Ini secara tidak langsung, identiti negeri boleh dipelihara dan diterjemahkan didalam rekaan logo perniagaan itu sendiri. Ia juga secara tidak langsung memperlihatkan asal (*originality*) sesuatu perniagaan itu dijalankan.

Sebagai penutup, diingatkan bahawa rekaan logo yang baik adalah logo yang bersifat tertutup (*close gestalt*), dipermudahkan (*simple*) dan telah digayakan (*stylize*) daripada bentuk asalnya. Ini secara tidak langsung menjadikan logo yang dihasilkan mudah diaplikasikan dimana-mana sahaja. Kajian visual bagi negeri-negeri lain di dalam Malaysia juga boleh dirujuk dalam mencari visual atau elemen identiti yang boleh digunapakai oleh perniagaan sebagai rekaan logo mereka.

- Merupakan pandangan peribadi penulis

